



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 26 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI TARIK RM455 JUTA POTENSI PELABURAN DI EKSPON 2020 DUBAI, BH -ONLINE PERANG RUSIA-UKRAINE TAK JEJAS JAMINAN MAKANAN NEGARA, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	JUALAN PROGRAM MYRAKYAT DI JOHOR DIRAMAL MENINGKAT – FAMA, BH -ONLINE FAMA CONTINUES TO EXPLORE NEW MARKETS FOR MALAYSIAN JACKFRUIT, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAFI tarik RM455 juta potensi pelaburan di Ekspo 2020 Dubai



Datuk Haslina Abdul Hamid.

DUBAI: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menarik potensi pelaburan dengan nilai RM455 juta menerusi penganjuran Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung 21 Februari lalu hingga hari ini.

Ketua Setiausaha, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, potensi nilai pelaburan itu melebihi sasaran awal kementerian iaitu RM350 juta, seterusnya menyifatkan penganjuran minggu berkenaan sangat berjaya.

Beliau berkata, potensi itu dicapai menerusi pemeteraian 12 memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dengan syarikat tempatan meliputi kerjasama teknikal, pelaburan, penyediaan fasiliti perniagaan, selain penyelidikan dan pembangunan.

"Selain itu, kita mengadakan 70 padanan perniagaan berbanding sasaran 50 dan semua usaha ini sudah lama MAFI mulakan, termasuklah dengan melancarkan laman mikro pertanian lestari yang memaparkan latar belakang lebih 40 syarikat berkaitan pertanian.

"Ada juga beberapa negara menyatakan minat untuk mengadakan fasiliti perniagaan berkaitan industri pertanian seperti Namibia, Mexico, Surinam, Slovakia, Jepun, India, Jerman dan Maldives," katanya kepada media Malaysia di sini, hari ini.

Menurut Haslina, selain berjaya mewujudkan kerjasama perniagaan, Minggu Pertanian Lestari itu juga platform terbaik untuk syarikat Malaysia meluaskan pasaran halal, bukan sahaja di Dubai atau Emiriah Arab Bersatu (UAE), malah ke pasaran Timur Tengah.

Beliau berkata, aktiviti diadakan sepanjang minggu termasuk demonstrasi masakan tempatan, ukiran serta edaran buah-buahan tempatan seperti durian, nangka, pamelo dan jambu batu berjaya menarik kira-kira 40,000 pelawat ke Pavilion Malaysia.

Haslina turut berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Minggu Pertanian Lestari termasuk Malaysian Bioeconomy Development Corporation sebagai agensi pelaksana serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku peneraju penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai.  
– BERNAMA

**TAG :**Ekspo 2020 Dubai, Minggu Pertanian Lestari, Bioeconomy Corporation, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sasaran

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Perang Russia-Ukraine tak jejas jaminan makanan negara



Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

KOTA BHARU: Perang meletus antara Russia dengan Ukraine tidak menjaskan jaminan makanan di negara ini, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Beliau berkata perperangan itu tidak memberi kesan secara langsung kepada bekalan makanan negara kerana Ukraine dan Russia bukan sasaran Malaysia untuk import dan eksport termasuk bahan dasar pertanian.

"Jika ada pun hanya dalam kuantiti kecil....kalau kita tidak boleh eksport dan import ke dua negara ini, kita boleh tukar ke negara lain, malah setakat ini kita banyak bergantung kepada China dan Thailand," katanya selepas merasmikan kursus galakan pelaburan dan pembangunan tanaman durian di Dewan Serai Wangi Kompleks RTC, dekat Tunjong, di sini, hari ini.

Nik Muhammad Zawawi berkata, kursus itu antara fokus di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menerusi Program Galakan Pelaburan dan Pemasaran Tanaman Bernilai Tinggi bagi meningkatkan pembekalan tanaman bernilai tinggi di pasaran.

Beliau berkata, kementerian meluluskan peruntukan RM45 juta bagi Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Panjang khususnya durian untuk pembangunan infrastruktur ladang, pembekalan input dan sebagainya.

"Secara perbandingan, jumlah nilai eksport durian pada 2016 ialah RM69.9 juta, manakala pada 2020 sebanyak RM144.7 juta. Ini menunjukkan berlaku lonjakan 107 peratus atau RM74.8 juta dalam tempoh lima tahun.

"Kita sedang mempergiat usaha memperluas akses dengan mempromosi durian di pasaran baharu dan sedia ada. Antara pasaran baharu yang sedang diteroka ialah Australia untuk buah durian segar, selain New Zealand dan Rusia," katanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Jualan program MyRakyat di Johor diramal meningkat - FAMA



KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) meramalkan peningkatan nilai serta kuantiti jualan 10 peratus di Johor pada tahun ini menerusi Program MyRakyat.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, Program MyRakyat antara usaha agensi itu dalam mempelbagaikan outlet pasaran kepada usahawan.

"(Ia adalah) untuk membantu Usahawan Agromakanan, Peserta Ladang Kontrak dan Usahawan Industri Makanan Asas Tani memasarkan hasil jualan segar serta runcit kepada komuniti setempat," katanya melalui dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pada 2021 seramai 115 peserta terbabit Program MyRakyat FAMA Johor mengumpul nilai jualan RM279,704 di empat lokasi terpilih.

Katanya, di Agrobazar Pagoh, terdapat peningkatan nilai jualan RM911,807 pada 2021 berbanding RM387,936 bagi 2020 dan setakat 31 Jan 2022, nilai jualan dicatatkan ialah RM31,820.

"Impak pelaksanaan ialah pendapatan usahawan akan meningkat sebanyak 32 peratus iaitu RM595 hingga RM1,842 sebulan melalui program ini," katanya.

Program MyRakyat dilaksanakan FAMA dengan sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), menyediakan pelbagai program khidmat pemasaran oleh agensi itu.

Abdul Rashid berkata, antara program ditawarkan kepada pengguna ialah Jualan Terus Dari Ladang dan Jualan Terus Dari Kilang yang memasarkan jualan barang segar serta runcit berkualiti.

"Pandemik COVID-19 memberi cabaran baharu kepada usahawan, pengeluar dan pengguna seperti kesukaran pasaran, pembatalan tempahan serta risiko kadar keberjangkitan menyukarkan perusahaan pemasaran agromakanan.

"Dalam hal ini, MAFI melalui FAMA mempergiat aktiviti pemasaran melalui outlet pasaran semasa serta usaha memperkuuh dan mempertingkat peluang untuk manfaat pengeluar, petani dan usahawan secara umum," katanya.

Beliau berkata, program itu bermanfaat bagi menjalin hubungan perniagaan antara usahawan dan pengguna serta sebagai inisiatif mengurangkan kos sara hidup rakyat dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara. -- BERNAMA

26 FEB, 2022

## Fama continues to explore new markets for Malaysian jackfruit

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

# Fama continues to explore new markets for Malaysian jackfruit

**DUBAI:** The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) will continue to explore new markets to export local jackfruit while strengthening the traditional markets in the United Arab Emirates (UAE), Singapore and Hong Kong.

Fama director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razali said there is encouraging demand for Malaysian jackfruit from foreign countries due to their varieties and quality.

"Malaysian jackfruit is the best and remains the choice, even though for the export markets, we need to use airplanes and sea transportation to maintain their quality," he said to Bernama here, yesterday.

Elaborating further, Zainal Abidin said the agency's participation in the Sustainable Agriculture Week at Expo 2020 Dubai for five days starting Monday, represents the best platform to broaden its export markets not only in the UAE but also the Gulf countries.

"This expo provides a very good opportunity as Dubai is not only the gateway to the Gulf countries but also has the function of gathering importers

from all over the world."

"Fama certainly will continue to take part in various activities such as this in foreign countries, for example, in Hong Kong and London," he said.

Meanwhile, Malaysian firm, SunFresh Foods Sdn Bhd has signed a memorandum of understanding (MoU) with Nokivi Group (Nokivi AB, Sweden and Nokivi Pte Ltd, Singapore) to supply fresh jackfruit.

According to a statement from SunFresh Foods, the area of cooperation is to use green jackfruit for the manufacture of plant-based meat or food with an export value of about US\$2 (US\$1=RM4.20) per kilogramme.

"We expect the initial uptake to be around RM1 million in the first year and gradually scale up to the range of RM100 million per year," the statement said.

Sustainable Agriculture Week at the Malaysia Pavilion is hosted by the Ministry of Agriculture and Food Industries and Malaysian Bioeconomy Development Corporation as the implementing agency. — Bernama



26 FEB, 2022

## Fama continues to explore new markets for Malaysian jackfruit

---

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

DUBAI: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) will continue to explore new markets to export local jackfruit while strengthening the traditional markets in the United Arab Emirates (UAE), Singapore and Hong Kong. Fama director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razali said there is encouraging demand for Malaysian jackfruit from foreign countries due to their varieties and quality.